

28/05/1998

Dialog sastera bersama tiga penulis

TIGA penulis, Prof Madya Dr Siti Zainon Ismail, (Pengarah Kebudayaan, Universiti Kebangsaan Malaysia), Lim Swee Tin (penyair) dan Dinsman (aktivis teater), akan memperkatakan dunia sastera Malaysia pada siri dialog karyawan anjuran Persatuan Penulis Nasional (Pena), malam esok.

Pemangku Setiausaha Pena, Sutung Umar RS, berkata siri dialog anjuran persatuan itu bermula 21 Februari lalu.

Dinsman, seorang tokoh teater terkenal dengan dramanya seperti Protes, Jebat Moden, Bukan Bunuh Diri, Ana dan Di Pulau Sedandi akan memperkatakan pembabitannya dalam penulisan.

Buku terbaru Dinsman Puisi Panjang Untuk Mahathir adalah buku kumpulan puisi perseorangan termahal pernah muncul di pasaran Malaysia dan adalah sebuah antologi puisi yang pertama dengan puisi khusus membicarakan kewibawaan seorang Perdana Menteri.

Siti Zainon, seorang pensyarah di UKM adalah pelukis/cerpenis/penyair dan novelis terkemuka. Banyak buku antologi puisi dan karya akademik yang ditulisnya.

Begitu juga Lim, seorang penyair bukan Melayu tetapi menulis dalam bahasa Melayu dengan amat berjaya sekali, meletakkannya setaraf malah lebih cemerlang daripada sesetengah penulis Melayu sendiri dan pernah memenangi pelbagai hadiah sastera.

Sutung menjemput penulis dan peminat seni untuk hadir sama, berinteraksi dengan tiga tokoh itu.

(END)